

# → INOVASI



**Dr Mohd Aris (tiga dari kanan)** bersama pasukan penyelidik FRIM dan UiTM mengumpulkan daun Chinta Mula di sekitar kawasan hutan di Broga, Selangor.



Daun Chinta Mula diambil dari kawasan hutan di Broga, Selangor.

# Daun Chinta Mula atasi ketagihan dadah

→ Beri kesan setanding methadone

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**D**aun Chinta Mula yang tumbuh liar di pinggir hutan di negara ini didapati berpotensi untuk merawat masalah ketagihan dadah dengan lebih selamat dan murah.

Kajian yang dijalankan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama penyelidik dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Teknologi

MARA (UiTM), mendapati daun itu memberikan kesan sama seperti methadone, ubat merawat ketagihan yang digunakan di hospital ketika ini.

Saintis Neurosains, Jabatan Anatomi Manusia UPM, Prof Madya Dr Mohamad Aris Mohd Moklas, berkata setakat ini hasil ujian ke atas tikus mendapati, tikus itu tidak menunjukkan ketagihan kepada daun Chinta Mula (DCM).

"Rawatan penagih dadah di hospital pada masa ini menggunakan methadone tetapi kosnya agak tinggi. Methadone memang boleh menghilangkan ketagihan dadah tetapi ia juga menyebabkan pensakit ketagihan pada ubat itu," katanya.

Justeru, kajian ke atas DCM bermatlamat mencari alternatif selain methadone untuk merawat ketagihan tanpa menyebabkan ketagihan kepada daun ini.

## Lebih selamat

Kajian yang bermula sejak 2012 dan masih diteruskan menunjukkan pengambilan DCM adalah selamat kerana tidak meninggalkan kesan racun pada organ tubuh haiwan kajian.

"Ujian ketagihan menggunakan sekumpulan tikus yang diberikan morfin dan dihentikan penggunaan morfin itu untuk dirawat dengan ekstrak atau pati DCM.

"Kajian menunjukkan tikus yang diberikan morfin memberikan tanda tipikal ketagihan tetapi tahap ketagihan berkurangan perlahan-lahan selepas mengambil ekstrak daun ini," katanya.

Beliau berkata, banyak kajian yang dijalankan membuktikan keberkesanan ekstrak spesies DCM yang tergolong dalam keluarga Erythroxylum membuktikan bahan yang terdapat dalam ekstrak itu mampu bertindak se-

## Info

### Daun Chinta Mula

- Tidak memberikan kesan khayal sekiranya jus daripada daunnya diminum.

- Daun dimakan tidak toksik (beracun).

- Boleh diambil sebagai makanan tambahan.

- Tiada kesan sampingan ke atas kesihatan.

- Daun lebih berkesan berbanding ekstrak (pati), daun yang direbus kurang memberikan kesan.

perti methadone.

Kajian ke atas kumpulan tikus lain yang ketagihan methadone dan dirawat menggunakan ekstrak Chinta Mula didapati turut menghilangkan ketagihan methadone.

Malah, ia lebih baik daripada methadone kerana tidak meninggalkan kesan ketagihan selain lebih murah dan mudah untuk digunakan bagi merawat ketagihan.

Hasil kajian itu memberikan harapan baharu kepada penagih dadah untuk menghilangkan ketagihan dialami tanpa terlalu bergantung kepada methadone.

Kajian itu dibuat menggunakan geran penyelidikan yang disediakan kerajaan.

Sementara itu, kumpulan penyelidik bimbang daun Chinta Mula mengalami nasib yang sama seperti daun ketum apabila ia disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.